


PROGRAM JELAJAH MAMPAN PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN

Ranee Atlas



Pada 9 Disember 2023, seramai 20 pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan telah mengadakan satu program jelajah ke Pantai Pugu yang terletak di daerah Lundu, Sarawak. Program yang bertemakan Sustainability Escapade; Eco, Education, Adventure ini dibimbing oleh pensyarah Diploma Pengurusan Pelancongan iaitu Cik Ranee Atlas.

Program jelajah ini bukan hanya sekadar satu pengalaman pembelajaran kepada para pelajar malah bagi memenuhi keperluan silibus bagi kursus Travel Agency and Tour Operations Management (HTT315). Program ini telah dirancang dari awal semester di mana para pelajar diberi pengetahuan secara teori tentang strategi keusahawanan, sistem tempahan dan pengendalian tetamu dalam industri pelancongan. Selain itu, tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar antara aspek penting yang diberi penekanan khusus sekaligus mendapat sokongan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB).

Permata Pugu Campsite merupakan pilihan lokasi yang ideal, di mana rombongan para pelajar ini telah disambut mesra oleh Encik Mohd Hafizan Tambi dan keluarga yang telah menyediakan pakej penginapan dan keperluan untuk pelbagai aktiviti untuk disertai. Acara dimulakan dengan sesi taklimat keselamatan beserta dengan peringatan penting. Di samping itu, pemilik turut berkongsi pengalamannya berkaitan keusahawanan dan pengurusan tarikan pelancongan ini.

Aktiviti diteruskan dengan aktiviti eksplorasi akademik dan acara berkumpul untuk memperkukuh semangat kerjasama dalam kalangan para peserta. Pada sebelah malam, aktiviti diisi dengan barbeku dan aktiviti santai.



Hari yang kedua bermula dengan senaman ringkas dan sarapan pagi. Seterusnya, ketibaan ChM. Puan Nur Aida binti Nur Azman, wakil dari NREB yang hadir untuk menyampaikan taklimat kelestarian alam sekitar dan penggunaan aplikasi Clean Swell bagi tujuan merekod data aktiviti pembersihan pesisir pantai dan laut. Pelajar kemudiannya bergerak sepanjang pantai untuk mengutip, merekod, dan melupus sampah di pantai Pugu yang meliputi hampir 8 kilometer panjangnya. Para peserta turut berkongsi maklumat dan maklum balas tentang aktiviti melalui aplikasi Clean Swell.



Sebelum berangkat pulang, rombongan pelajar singgah ke Pekan Lundu untuk merakam kenangan manis di mercu tanda pekan Lundu. Program ini terbukti memberikan impak positif kepada para pelajar dengan mengetengahkan kepentingan dan peranan mereka dalam menjaga kelestarian eko sistem alam sebagai fokus penting industri pelancongan dan pada masa yang sama mendapatkan maklumat untuk kajian dan kerja kursus mereka.

